

UPM tekad rampas gelaran ragbi SUKIPT

PASUKAN ragbi Universiti Putra Malaysia (UPM) enggan episod duka edisi 2018 pada temasya Sukan Institusi Pendidikan Tinggi (SUKIPT) berulang sekali gus tekad untuk membawa pulang kemenangan pada kali ini.

UPM Serdang Angels dilihat menjadi pencabar utama musim ini selepas mempertaruhkan sembilan pemain kebangsaan yang turut beraksi di Sukan Komanwel Birmingham 2022.

Pemain kebangsaan, Muhammad Azwan Zuwairi Mat Zizi yang membuat kemunculan terakhir pada edisi kali ini optimis mahu membantu UPM untuk membawa kemenangan semula selepas mendominasi sukan itu pada tiga edisi lalu.

“Pada 2018 saya tak dapat sertai SUKIPT kerana persiapan Sukan Komanwel, jadi kali ini saya mahu membantu pasukan UPM Serdang Angels meraih pingat emas.

“Kami akan menggunakan pengalaman di Birmingham sebagai motivasi untuk mencapai kejayaan SUKIPT 2022 yang berlangsung di Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) Tanjong Malim, Perak,” katanya.

Pada 2018, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) melakukan kejutan apabila meraih pingat emas pertama mereka dalam sukan ragbi selepas menewaskan UPM selaku juara bertahan temasya tersebut.

Antara pemain yang diberi mandat bagi membawa cabaran UPM di SUKIPT 2022 adalah Muhammad Hafiezie Sudin, Muhammad Shah Izwan Nordin, Muhammad Suhairi



AZWAN ZUWAIRI

Effendi Mohd. Othman, Adam Arrif Alias, Muhammad Akmal Hakim Nordin, Shafuan Shaari, Zulmajdi Kama Razali, Wan Azley Wan Omar, Eddie Arrif, Muhammad Safiy Md. Said, Muhammad Kamal Hamidi Mohd. Raihan.

Dalam pada itu, Azwan menuntut rakan sepasukannya tidak memandang rendah cabaran pasukan lain walau-pun pasukannya diperkuatkan beberapa pemain kebangsaan dan pemain berpengalaman.

“Sudah tentu di atas kertas, kami sudah mempunyai satu pasukan yang amat baik, tetapi saya tidak mahu berasa sedemikian memandangkan persiapan pasukan lain tidak kurang hebatnya,” tambahnya.